

Headline	Ahli SUKSIS jadi mata masyarakat		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	12 Apr 2012	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	192,982
Page No	V3	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	299 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,084
Frequency	Daily	PR Value	RM 30,252



Ahli SUKSIS jadi 'mata' masyarakat

Oleh Nahar Tajri
nahar@bharian.com.my

SINTOK: Kor Sukarelawan Polis Siswa Siswi (SUKSIS) mampu memainkan peranan penting sebagai mata dan telinga pihak berkuasa dengan menyalurkan maklumat kegiatan jenayah di kawasan masing-masing selepas menamatkan pengajian di institut pengajian tinggi awam (IPTA) masing-masing.

Ketua Polis Kedah, Datuk Ahmad Ibrahim, berkata mereka yang menyertai Kor SUKSIS dan tamat menjalani latihan selama tiga tahun itu dapat membantu tugas Polis Diraja Malaysia (PDRM) dengan cara menyalurkan maklumat penting kepada pihak berkuasa berdasarkan pengalaman mereka ketika menjalani kehidupan di kampus.

Katanya, menjadi harapan Kor SUKSIS untuk menanamkan semangat cintakan negara dan memberi pendedahan kepada mahasiswa supaya lebih mengenali PDRM walaupun mereka mungkin tidak memilih kerjaya sebagai anggota polis selepas tamat pengajian.

"Program ini juga memberi peluang kepada PDRM untuk mengenali pasti calon yang berminat menjadi polis dari awal dan memberi latihan awal sebagai persediaan untuk menceburi bidang ini selepas tamat pengajian.

"Bagaimanapun kita juga tidak mewajibkan semua ahli Kor SUKSIS supaya menyertai polis selepas

tamat pengajian kerana mereka mungkin mempunyai minat lain. Kita cuma memberi galakan kepada mereka jika berminat menyertai polis," katanya selepas Majlis Pakaian Pangkat Komandan Kor SUKSIS Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, Kedah baru-baru ini.

Dalam majlis itu, Ahmad memakaikan pangkat komandan itu kepada Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UUM, Prof Abdul Razak Saleh. Hadir sama, Naib Canselor UUM, Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak.

Ahmad berkata, setakat ini



AHMAD (tengah) dan Prof Abdul Razak (kiri) bersama sebahagian anggota SUKSIS selesai majlis pemakaian pangkat Komandan Kor Suksis UUM.

terdapat kira-kira 30 peratus ahli Kor SUKSIS yang tamat pengajian dipilih menyertai PDRM bagi setiap pengambilan.

Beliau berkata, di UUM ketika ini seramai 190 anggota SUKSIS UUM membabitkan 106 wanita dan 84 lelaki sedang menjalani latihan selama tiga tahun di universiti berkenaan.

"Di UUM bagi tahun lalu saja kita sudah ada 11 ahli SUKSIS yang terpilih menyertai PDRM," katanya.

Sementara itu, Prof Mohamed Mustafa berkata, penubuhan Kor SUKSIS bertujuan melatih penuntut di institusi pengajian tinggi supaya lebih berdisiplin dan mempunyai semangat cinta negara yang tinggi.

"Penubuhan Kor SUKSIS juga memastikan kampus mampu menjadi kawasan selamat kepada pelajar menjalani kehidupan seharian.

"Lantaran itu, dengan penubuhan SUKSIS juga menjadi hasrat negara sebagai barisan pelapis PDRM pada masa akan datang dan meramaikan golongan profesional di dalam pasukan selaras dengan kemajuan dan kesepatan negara," katanya.